

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN TAHUN BARU 1987

TEMPAT: MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM), ANGKASAPURI

TARIKH: 31 DEC 1986

MASA:

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmatNya kita telah sama-sama melalui tahun 1986 dengan sejahteranya. Kita juga bersyukur bahawa berbagai cabaran yang kita hadapi sepanjang tahun 1986 telah dapat kita atasi dengan jayanya.

2. Tahun 1986 memperlihatkan tekanan ekonomi yang paling teruk. Hampir semua barangan eksport kita telah mengalami kejatuhan harga dan permintaan yang berkurangan. Dengan itu pengeksport-pengeksport barangan ini, termasuk komponen elektronik, telah mengalami kerugian atau jika sekiranya untung, keuntungan mereka amat kecil. Kilang-kilang dan lombong-lombong terpaksa ditutup dan pekerja-pekerja diberhentikan. Oleh kerana pendapatan daripada eksport jatuh dengan teruknya, pelaburan dalam negara juga turun ke paras yang amat rendah. Ini menyebabkan ramai lagi pekerja terus menganggur dan perniagaan kecil dan besar cemas kerana kehilangan pelanggan. Kerajaan sudah tentu tidak dapat mengutip hasil dan cukai dengan mencukupi untuk perbelanjaan pengurusan.

3. Di masa kemelesetan ekonomi ini berlaku, ada pihak-pihak yang sengaja menciptakan masalah ekonomi dan politik. Semenjak awal 1986, berita-berita angin sengaja disebarkan bahawa para anggota Kerajaan berbelah-bahagi dan lemah. Majoriti rakyat kononnya sudah hilang kepercayaan kepada Kerajaan. Perkara-perkara yang berlaku kerana kemelesetan ekonomi atau kecuaiannya orang-orang di luar Kerajaan sengaja dikaitkan dengan Kerajaan. Fitnah dilempar kononnya anggota Kerajaan terlibat dengan beberapa skandal. Semua ini memburukkan lagi iklim ekonomi dan menghindar pelabur-pelabur asing dan dalam negeri daripada melabur dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Dengan itu rakyat lebih menderita.

4. Untuk meyakinkan rakyat dan negara bahawa Kerajaan Barisan Nasional masih mendapat sokongan daripada majoriti rakyat negara ini, pilihanraya umum telah diadakan dalam bulan Ogos yang lalu, iaitu kira-kira setahun lebih awal daripada yang disyaratkan oleh undang-undang. Keputusan pilihanraya ini membuktikan dengan jelas bahawa Kerajaan

Barisan Nasional masih mendapat sokongan yang besar daripada rakyat. Barisan Nasional memenangi empat per lima daripada kerusi-kerusi Dewan Rakyat.

5. Sepatutnya keputusan yang jelas ini menghentikan tuduhan bahawa Kerajaan tidak lagi dipercayai oleh rakyat. Malangnya, kumpulan-kumpulan tertentu dan parti-parti politik yang kalah masih berusaha untuk menghalang pemulihan ekonomi negara ini. Mereka dan lain-lain kumpulan menyebarkan berita bahawa bermacam-macam peristiwa yang tidak baik akan berlaku dalam Kerajaan. Mereka menolak hak majoriti membuat dasar dan tindakan, bahkan mereka menolak hak majoriti untuk memerintah negara. Sekali lagi mereka mendakwa bahawa terdapat krisis kepercayaan terhadap Kerajaan.

6. Tindakan-tindakan dan berita-berita angin oleh mereka berjaya mengurangkan keyakinan pelabur-pelabur asing dan tempatan daripada melabur di negara ini. Banyak wang Malaysia yang dibekalkan oleh Bank Negara untuk menampung kekurangan wang dalam pasaran wang telah mengalir ke luar negara. Tindakan Kerajaan meminda Akta Penyelarasan Perindustrian atau Industrial Coordination Act dan melonggarkan syarat-syarat Dasar Ekonomi Baru diperkecilkan oleh golongan tertentu untuk menghalang pemulihan ekonomi.

7. Tentulah jelas bahawa usaha pemulihan ekonomi oleh Kerajaan terjejas kerana kepentingan politik kumpulan-kumpulan tertentu. Namun demikian Kerajaan telah berjaya membendung sebahagian daripada kesan buruk tindakan kumpulan-kumpulan tersebut dan telah dapat mempertahankan ekonomi negara. Sebahagian besar daripada kejayaan menghadapi tekanan ekonomi yang meleset disebabkan oleh sokongan yang kuat daripada majoriti rakyat. Kita telah lalui tahun 1986 yang penuh cabaran dengan tabah hati dan kita telah menentukan asas-asas yang baik bagi memulihkan semula ekonomi kita.

8. Di sini ingin saya menegaskan bahawa pemulihan ekonomi tidak boleh dijayakan semata-mata dengan pindaan atau penguat-kuasaan undang-undang atau dasar-dasar ekonomi. Dalam analisa yang terakhir, pemulihan ekonomi bergantung kepada sikap dan sifat-sifat yang ada pada kita. Sebenarnya, apa yang akan memulihkan ekonomi negara kita ialah kemampuan kita bersaing dengan negara-negara lain dalam mengeluarkan dan memasarkan barangan dagangan kita. Kita cuma boleh bersaing dengan jayanya jika kos pengeluaran kita rendah tanpa menjejaskan kualiti dan tempoh penghantaran atau delivery kita. Untuk tujuan ini, walaupun tindakan menurunkan gaji boleh membantu, tetapi yang lebih penting ialah kos pengeluaran sesuatu yunit barangan itu hendaklah lebih rendah. Jika para pengurus dan para pekerja dapat mengeluarkan apa juga barangan dagangan dengan lebih banyak tanpa meningkatkan kos, dan kita dapat membekal dengan jadual yang tepat, maka kita boleh bersaing dengan sesiapa sahaja dengan jayanya. Segala tindakan yang meningkatkan kos akan menjadikan kita kurang mampu bersaing atau tidak

competitive dan ini akan menjejaskan pemulihan ekonomi negara kita.

9. Kerajaan berharap kita semua sedar dan menerima hakikat ini. Walaupun tindakan orang asing boleh menjejaskan ekonomi kita, keburukan yang berlaku boleh dihindar dengan kita menghadapi cabaran dengan hati yang tabah dan sikap yang positif. Jika kita terus mengamalkan cara-cara yang tidak sesuai dengan keadaan ekonomi yang meleset, kita akan mengambil masa yang lebih panjang untuk memulihkan ekonomi kita. Mungkin juga kita tidak akan dapat mengembalikan prestasi ekonomi kita sama sekali.

10. Penghujung tahun 1986 dan permulaan tahun 1987 adalah ketika yang sesuai untuk kita membuat resolusi mengubah sikap kita supaya ekonomi negara kita akan pulih semula. Yang pertamanya, semua rakyat harus membuat resolusi untuk menolak segala berita angin yang disebarkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan berkepentingan diri. Kita tahu berita-berita mereka tidak berasas kerana segala dakwaan mereka sehingga kini telah didapati palsu. Tidak ada satu sebab mengapa kita harus mempercayai berita-berita angin ini.

11. Yang keduanya, kita harus membuat resolusi untuk menunaikan segala tanggungjawab kita dengan penuh minat dan dedikasi. Dengan ini prestasi dan daya pengeluaran kita akan meningkat dan kita akan menjadi lebih competitive di pasaran dunia. Ini tidak bermaksud hanya mereka yang terlibat secara langsung dengan pengeluaran bahan dagangan sahaja yang perlu menjadi lebih produktif. Setiap orang daripada kita, walau apa juga tugasnya, yang meningkatkan daya pengeluarannya akan menolong mengurangkan kos pengeluaran kita keseluruhannya. Sudah tentu pekerja dalam Kerajaan yang meningkatkan kecekapan atau efficiency Kerajaan akan membantu mengurangkan kos pengeluaran barangan kita. Dengan sifat bertanggungjawab dan dedikasi semua rakyat, bukan sahaja kita akan dapat bersaing dengan negara-negara lain tetapi juga kita akan dapat mengukuhkan lagi ekonomi negara.

12. Jika kita semua dapat membuat dan mengamalkan dua resolusi ini untuk tahun 1987, insya-Allah ekonomi negara kita akan pulih semula dan kita akan hidup sejahtera. Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Dalam tahun 1986 kita telah diuji dengan berbagai cabaran. Alhamdulillah, kita telah berjaya menyelamatkan negara kita melalui ketegasan kita. Rakyat Malaysia boleh berbangga dengan kejayaan ini. Ketegasan dan ketabahan hati yang kita tunjukkan dalam tahun 1986 harus diteruskan dalam tahun 1987.

14. Pada tahun 1987 ini, marilah kita musnahkan unsur-unsur negatif yang terdapat dalam masyarakat kita. Sebaliknya, kita semua bersama-sama berganding bahu menghadapi segala cabaran dan rintangan. Insya-Allah, kita akan berjaya.

15. Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Tahun Baru dan saya berdoa semoga tahun 1987 akan membawa kebahagiaan kepada kita semua.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum
warahmatullahi wabarakatuh.